



BARANGAN yang dikenakan tindakan sita dibawa ke Setor Sitaan, Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk tindakan rekod dan dokumentasi. - Gambar ihsan FB DBKL

## Laksana 15 tindakan sita penjaja tanpa lesen

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil 15 tindakan sita terhadap penjaja tanpa lesen di beberapa lokasi di ibu kota di sini, Isnin lalu.

DBKL dalam kenyataan berkata, tindakan itu diambil dalam operasi bersepadu terhadap penjaja warga asing yang menjalankan perniagaan di sekitar Lorong Haji Taib 4, Chow Kit dan Jalan Berangan, Bukit Bintang bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Katanya, tindakan dila-

kukan berdasarkan paman-tauan dan risikan yang dijalankan oleh pegawai penguat kuasa di sekitar kawasan itu.

“Sebanyak 15 kes sitaan dilaksanakan serta-merta mengikut Undang-Undang

**“Sebanyak 15 kes sitaan dilaksanakan serta-merta mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2016”**

DBKL

Kecil (UUK) Pelesenan Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2016.

“Ia membabitkan 13 tindakan ke atas warga asing dan dua lagi tindakan membabitkan penjaja war-

ga tempatan,” kata kenyataan berkenaan di Facebook (FB).

Menurutnya, pihaknya turut mengeluarkan dua notis tawaran kompaun ke atas premis yang mengga-jikan warga asing mengikut UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016.

“Semua barangan yang dikenakan tindakan sita dibawa ke Setor Sitaan, Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, untuk tindakan rekod dan dokumentasi,” katanya.